

**TEATER MUZIKAL MELAYU: SATU KAJIAN
TERHADAP STRUKTUR PERSEMBAHAN
MELALUI PEMBENTUKAN LAGU DRAMATIK**

MUHAMMAD FAISAL BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**TEATER MUZIKAL MELAYU: SATU KAJIAN
TERHADAP STRUKTUR PERSEMBAHAN MELALUI
PEMBENTUKAN LAGU DRAMATIK**

oleh

MUHAMMAD FAISAL BIN AHMAD

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Doktor Falsafah**

Jun 2019

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis yang saya tulis ini ialah sebenar-benarnya merupakan hasil kerja ilmiah saya. Ianya bukanlah merupakan peniruan daripada tesis atau karya ilmiah orang lain, atau pihak mana-mana pun. Nukilan dan data sekunder yang saya peroleh untuk keperluan penulisan tesis ini telah saya tuliskan dalam referensi saya.

Demikian pengakuan ini saya buat dengan sebenarnya.

Februari 2019

Muhammad Faisal bin Ahmad

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kesyukuran tanpa batasan dititipkan ke hadrat Illahi dengan limpah izin dan rahmat yang dicurahkan kepada hamba-Nya sepanjang melayari perjuangan ini. Ucapan Alhamdulillah kepada Allah SWT di atas segala nikmat dan kelancaran yang dikurniakan dalam setiap cabaran dan dugaan sehingga terhasilnya penyelidikan yang dapat memberi sumbangan dalam industri seni persembahan tanah air. Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat kedua insan tersayang iaitu ayahanda Ahmad bin Hj Md Yatim dan bonda Nurhana binti Puteh di atas sokongan padu tanpa sempadan yang tidak pernah kenal erti jemu. Berkat doa yang dilimpahkan bersama-sama dengan iringan kata-kata semangat sentiasa menjadi kekuatan mental dan rohani dalam diri ini. Tidak ketinggalan juga buat dua orang penyelia iaitu Dr. Mumtaz Begum PV Aboo Backer dan Dr Abd. Razak bin Abd. Aziz yang sentiasa menjadi sumber rujukan dan panduan sehingga tercetusnya percambahan idea dalam melengkapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih turut didedikasikan buat beberapa individu yang banyak membantu sepanjang proses kajian ini dijalankan terutamanya buat guru-guru saya seperti Prof. Dr. Hatta Azad Khan, Puan Siti Hajar Ismail, Encik Hamzah Tahir, Encik Mazlan Tahir, dan Encik Hafiz Askiak. Sekalung ucapan penghargaan turut dirakamkan buat insan yang banyak menghulurkan tangan dalam mendapatkan sumber bahan kajian iaitu Encik Shafee Che Embi yang sering menabur jasa tanpa mengira masa dan ketika. Terima kasih diucapkan.

Buat teman-teman seperjuangan yang tidak lokek berkongsi ilmu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala curahan pandangan, teguran dan sokongan yang sentiasa membina dan menaikkan semangat bagi menempuhi perjuangan ini hingga selesai. Sebelum menutup bicara ingin sekali saya merakamkan juga penghargaan yang tidak terhingga juga buat semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembikinan kajian ini. Setiap bantuan yang dihulurkan secara sedar atau pun tidak akan dikenang selamanya. Akhir kata ingin saya memetik kata-kata semangat daripada William Shakespears yang menjadi perangsang sepanjang perjalanan perjuangan ini iaitu, *“It is not in the stars to hold our destiny but in ourselves”*. Terima kasih.

Pulau Pinang, Februari 2019

Muhammad Faisal bin Ahmad

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Persoalan Kajian.....	4
1.3 Objektif Kajian.....	5
1.4 Permasalahan Kajian.....	6
1.5 Kepentingan Kajian.....	16
1.6 Hipotesis.....	23
1.7 Batasan Kajian.....	23
1.8 Metodologi Kajian.....	25
1.9 Kerangka Konsep Kajian.....	29
1.10 Organisasi Tesis.....	34
BAB 2 SOROTAN KAJIAN MELALUI SEJARAH DAN PERKEMBANGAN TEATER MUZIKAL BARAT DAN TEATER MUZIKAL DI MALAYSIA	37
2.1 Pengenalan.....	37
2.2 Ulasan Karya Terpilih (Sorotan Literatur).....	38

2.3	Sejarah dan Perkembangan Teater Muzikal Barat.....	46
2.4	Kemunculan Muzikal (1900-1929).....	59
2.4.1	Florenz Ziegfeld “ <i>Impresario Extraodiare</i> ”.....	53
2.4.2	<i>Show Boat</i> (1927).....	57
2.4.3	George & Ira Gershwin.....	60
2.5	Era Depresi Besar Terhadap Muzikal (1930-1940).....	63
2.6	Era Keemasan Muzikal (1941-1969).....	72
2.7	Kemunculan Muzikal Baharu (1970-1999).....	79
2.8	Kebangkitan Muzikal Broadway (2000-2016).....	88
2.9	Struktur dan Gaya Persembahan Teater Muzikal Barat.....	94
2.9.1	Bentuk-bentuk Teater Muzikal.....	96
2.10	Pembentukan Struktur Teater Muzikal.....	117
2.11	Pembinaan Struktur dalam Buku Muzikal.....	118
2.12	Struktur Dramatik dalam Pembentukan Naratif Teater Muzikal.....	123
2.13	Aspek Pembentukan Struktur dalam Teater Muzikal.....	125
2.13.1	Bahagian Satu dan Bahagian Dua.....	126
2.13.2	Lagu Pembukaan/Lagu Jam Sepuluh/Lagu Penutup.....	127
2.13.3	Lagu dan Dialog.....	130
2.13.4	Solo/Duet dan Korus.....	130
2.13.5	Nyanyian dan Tarian.....	132
2.13.6	Babak dan Lagu Transisi.....	133
2.13.7	Lagu Emosi Pelbagai.....	134
2.14	Lagu Dramatik dalam Pembentukan Struktur Teater Muzikal.....	134
2.15	Sejarah dan Perkembangan Teater Muzikal di Malaysia.....	146
2.15.1	Teater Tradisional di Malaysia.....	146

2.16	Perkembangan Teater Muzikal Melayu.....	152
2.9	Kesimpulan.....	161
BAB 3	STRUKTUR PERSEMBAHAN TEATER MUZIKAL MELAYU MELALUI PEMBENTUKAN LAGU DRAMATIK.....	164
3.1	Pengenalan.....	164
3.2	Teater Muzikal <i>Bukit Kepong</i> (2000).....	166
3.2.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater Muzikal <i>Bukit Kepong</i>	167
3.3	Teater Muzikal <i>Rubiah</i> (2005).....	179
3.3.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater Muzikal <i>Rubiah</i>	194
3.4	Teater <i>Puteri Gunung Ledang the Musical</i> (2006).....	197
3.4.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater <i>Puteri Gunung Ledang the Musical</i>	198
3.5	Teater Muzikal <i>Cheng Lock</i> (2007).....	219
3.5.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater Muzikal <i>Cheng Lock</i>	219
3.6	Teater Muzikal <i>Ibu Zain</i> (2008).....	231
3.6.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater Muzikal <i>Ibu Zain</i>	232
3.7	Teater <i>P.Ramlee the Musical</i> (2008).....	248
3.7.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater <i>P.Ramlee the Musical</i>	249
3.8	Teater <i>Sirah Junjungan: Tahajjud Cinta</i> (2009).....	268
3.8.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater <i>Sirah Junjungan: Tahajjud Cinta</i>	268
3.9	Teater Muzikal <i>Mahsuri</i> (2009).....	282

3.9.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater Muzikal <i>Mahsuri</i>	282
3.10	Teater <i>Cuci the Musical</i> (2010).....	290
3.10.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater <i>Cuci the Musical</i>	290
3.11	Teater Muzikal <i>Uda dan Dara</i> (2010).....	304
3.11.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan Teater Muzikal <i>Uda dan Dara</i>	305
3.12	Kesimpulan.....	314
BAB 4	ANALISIS LAGU DRAMATIK DALAM STRUKTUR PERSEMBAHAN TEATER MUZIKAL MELAYU.....	319
4.1	Pengenalan.....	333
4.2	Proses Pembentukan Teater Muzikal Melayu.....	320
4.3	Peranan Lagu Dramatik dalam Teater Muzikal Melayu.....	332
4.3.1	Analisis Peranan Lagu Karektor sebagai Lagu Dramatik.....	332
4.3.2	Analisis Peranan Lagu Cerita sebagai Lagu Dramatik.....	347
4.3.3	Analisis Peranan Lagu Emosi Klimaks sebagai Lagu Dramatik.....	360
4.3.4	Analisis Peranan Lagu Kesedaran sebagai Lagu Dramatik.....	367
4.3.5	Analisis Peranan Lagu Keputusan sebagai Lagu Dramatik.....	373
4.4	Fungsi Lagu Dramatik dalam Teater Muzikal Melayu.....	376
4.4.1	Analisis Fungsi Reprise sebagai Lagu Dramatik.....	377
4.4.2	Analisis Fungsi Transisi sebagai Lagu Dramatik.....	381
4.4.3	Analisis Fungsi Metafora sebagai Lagu Dramatik.....	385
4.5	Bentuk-bentuk Teater Muzikal Melayu.....	393
4.5.1	Muzikal Sebelum Klimaks.....	394
4.5.2	Muzikal Lagu Cerita.....	398

4.5.3	Muzikal Konsert.....	403
4.5.4	Muzikal Gaya Rodgers dan Hammerstein II.....	407
4.6	Kesimpulan.....	414
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	416
5.1	Kesimpulan.....	430
5.2	Cadangan dan Implikasi Kajian Terhadap Aktiviti Teater Muzikal.....	426
5.3	Implikasi Kajian dalam Bidang Pendidikan.....	432
5.4	Panduan Asas Pembentukan Buku Muzikal.....	435
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan.....	438
	BIBLIOGRAFI.....	440
	LAMPIRAN.....	445

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Perkaitan antara Struktur Dramatik dengan Lagu Muzikal.....124
Jadual 3.1	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater Muzikal <i>Bukit Kepong</i>177
Jadual 3.2	Contoh Gabungan Fungsi Lagu Dramatik dalam Lagu <i>Oh Rubiah</i>181
Jadual 3.3	Dua Fungsi Lagu Dramatik dalam Lagu <i>Alang Dah Pulan</i>188
Jadual 3.4	Pembahagian Lirik dalam Lagu Keputusan <i>Rubiah Diambil Orang</i>191
Jadual 3.5	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater Muzikal <i>Rubiah</i>194
Jadual 3.6	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater <i>Puteri Gunung Ledang the Musical</i>216
Jadual 3.7	Perbandingan Lirik dalam Lagu Reprise <i>Surat Khabar</i>225
Jadual 3.8	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater Muzikal <i>Cheng Lock</i>229
Jadual 3.9	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater Muzikal <i>Ibu Zain</i>245
Jadual 3.10	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater <i>P.Ramlee the Musical</i>264
Jadual 3.11	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater Muzikal <i>Sirah Junjungan: Tahajjud Cinta</i>278
Jadual 3.12	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater Muzikal <i>Mahsuri</i>288
Jadual 3.13	Kaedah Reprise dalam Lagu <i>Impianku</i>295
Jadual 3.14	Lagu Metafora <i>Apa Telah Terjadi/Impianku</i> dalam Babak 13.....297

Jadual 3.15	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater <i>Cuci the Musical</i>	301
Jadual 3.16	Struktur Lagu Dramatik dan Plot Dramatik dalam Teater Muzikal <i>Uda dan Dara</i>	312
Jadual 4.1	Perbandingan Elemen Teater Muzikal Barat, Teater Muzikal Melayu, dan Teater Realisme.....	325
Jadual 4.2	Peranan Lagu Dramatik dalam Persembahan Teater Muzikal Melayu.....	375
Jadual 4.3	Fungsi Reprise, Transisi dan Metafora dalam Persembahan Teater Muzikal Melayu.....	387

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Persoalan Kajian, Objektif Kajian dan Permasalahan Kajian.....15
Rajah 1.2	Kerangka Konsep Kajian.....32
Rajah 2.1	Pengaruh Bentuk Teater Muzikal Barat dalam Persembahan Teater Muzikal Melayu.....96
Rajah 2.2	Perbezaan Proses Penghasilan Buku Muzikal oleh William S. Gilbert, Larry Hart, dan Oscar Hammerstein II.....122
Rajah 2.3	Teori Piramid Struktur Dramatik Freytag.....123
Rajah 4.1	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Bukit Kepong</i>388
Rajah 4.2	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Rubiah</i>389
Rajah 4.3	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Puteri Gunung Ledang the Musical</i>389
Rajah 4.4	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Cheng Lock</i>390
Rajah 4.5	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>P.Ramlee the Musical</i>390
Rajah 4.6	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Ibu Zain</i>391
Rajah 4.7	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Sirah Junjungan: Tahajjud Cinta</i>391
Rajah 4.8	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Mahsuri</i>392
Rajah 4.9	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Cuci the Musical</i>392
Rajah 4.10	Lagu Dramatik dalam Struktur Persembahan <i>Uda dan Dara</i>393
Rajah 4.11	Faktor Peembentukan Muzikal Sebelum Klimaks.....398
Rajah 4.12	Faktor Pembentukan Muzikal Lagu Cerita.....402
Rajah 4.13	Faktor Pembentukan Muzikal Konsert.....407

Rajah 4.14	Faktor Pembentukan Muzikal Gaya Rodgers dan Hammerstein II.....	413
Rajah 4.15	Ciri Asas dalam Empat Bentuk Teater Muzikal Melayu.....	414
Rajah 5.1	Bentuk Lagu Dramatik dalam Teater Muzikal.....	419
Rajah 5.2	Pencapaian Hasil Kajian berpandukan kepada Objektif Kajian.....	425
Rajah 5.3	Panduan Asas Penyediaan Buku Muzikal.....	437

TEATER MUZIKAL MELAYU: SATU KAJIAN TERHADAP STRUKTUR PERSEMBAHAN MELALUI PEMBENTUKAN LAGU DRAMATIK

ABSTRAK

Brown (2007) telah mengatakan bahawa elemen yang dapat membezakan aliran teater muzikal dengan bentuk teater yang lain adalah melalui fungsi lagu sebagai luahan rasa yang tidak dapat dilafazkan menerusi dialog. Pembinaan struktur sesebuah persembahan teater muzikal bukan sahaja dilihat menerusi perjalanan naratifnya malah fungsi lagu-lagu dramatik dalam menentukan gaya penyampaian memainkan peranan membentuk struktur persembahan tersebut. Kajian ini akan memfokuskan struktur persembahan teater muzikal Melayu dengan melihat peranan lagu dramatik serta gaya persembahan pementasan yang dipersembahkan di Istana Budaya, Kuala Lumpur. Tumpuan kajian adalah berdasarkan kepada sepuluh buah produksi yang dipilih bermula pada tahun 2000 hingga 2010. Kaedah dapatan kajian adalah menerusi sumber primer seperti penontonan, temu bual, dan rujukan sumber sekunder. Lagu dramatik dalam teater muzikal yang telah dikategorikan oleh Larry A. Brown (2010) dan John Kenrick (2010) diterapkan dalam Teori Piramid Struktur Dramatik Freytag. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh muzikal Barat dalam gaya dan bentuk struktur persembahan teater muzikal Melayu. Struktur persembahan teater muzikal Melayu juga dilihat menerusi bentuk dan fungsi lagu dramatik yang diterapkan dalam naskhah-naskhah terpilih. Hasil kajian ini memperlihatkan empat bentuk teater muzikal Melayu iaitu Muzikal Sebelum Klimaks, Muzikal Lagu Cerita, Muzikal Konsert dan Muzikal Gaya Rodgers & Hammerstein II serta fungsi buku muzikal sebagai medium pembentukan sebuah teater muzikal.

**MALAY MUSICAL THEATER: A STUDY ON PERFORMANCE
STRUCTURE THROUGH DRAMATIC SONG FORMATION**

ABSTRACT

Brown (2007) states that the elements that differentiate musical theater from other theater forms is the function of songs that convey feelings, and cannot be expressed through dialogues. The formation of a musical theatre performance is not limited to the flow of narrative but through the function of dramatic songs that defines its style of presentation and consequently forms the structure of performance. This research focuses on the structure of Malay musical theatre performance by studying the function of dramatic songs and stage performance styles, performed at the Istana Budaya, Kuala Lumpur. This research is limited to ten productions chosen from 2000 to 2010. Dramatic songs in musical theater is seen through the categorisation made by Larry A. Brown (2007) and John Kenrick (2010) which will be applied in the form of presentation structures introduced in Freytag's Pyramid Theory of Dramatic Structure. This study aims to identify the influence of Western musicals in the shaping of style and structure of Malay musical theater. The findings of the study were obtained through primary sources such as viewing the recordings of productions, conducting interviews as well as secondary source of references. The structure of the Malay musical theater will also be seen through the form and function of dramatic songs deployed in selected texts. The results of this study show four forms of Malay musical theatre, *Muzikal Sebelum Klimaks*, *Muzikal Lagu Cerita*, *Muzikal Konsert*, and *Muzikal Gaya Rodgers & Hammerstein II* as well as the function of the musical book as a medium in forming a musical theater.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Teater muzikal bukan lagi merupakan satu aliran baru di Malaysia malah ia menjadi semakin terkenal dalam kalangan masyarakat sehingga diletakkan antara aliran yang popular dalam pementasan teater masa kini. Teater muzikal menggabungkan pelbagai spektrum seni persembahan seperti lakonan, muzik, nyanyian, dan tarian selain disokong oleh elemen-elemen kekaguman dalam persembahan. Gabungan ini memberi jurang perbezaan antara aliran muzikal dengan bentuk teater yang lain sehingga mampu meyakinkan bahawa kehidupan realiti benar-benar wujud dalam dunia muzikal.

Pemegang watak bagi sebuah pementasan teater muzikal perlu memikul peranan yang sangat tinggi dalam mendukung kemahiran yang pelbagai seperti lakonan, nyanyian dan tarian. Kombinasi ketiga-tiga elemen ini diangkat melalui satu naskhah yang berperanan dalam menyampaikan sesebuah cerita atau mesej yang tertentu. Pengetahuan, pembelajaran dan latihan tidak menjanjikan seseorang pelakon itu dapat mencapai tahap persembahan yang membanggakan malah kemahiran itu merupakan satu tahap pencapaian dalam mewujudkan kepercayaan suasana muzikal dalam dunia sebenar.

Nyanyian berkarektor dalam teater muzikal telah membentuk pemahaman yang meluas terhadap bentuk penyampaian mesej melalui lagu dan lakon¹. Bermula

¹ David Brunetti (2006) telah menulis tentang fungsi nyanyian dalam membentuk karektor dalam bukunya *Acting Songs* yang menyentuh tentang pembinaan watak menerusi penyampaian lagu.

daripada revue kepada *grand opera* sehinggalah berkembang kepada Broadway telah membentuk pelbagai jenis persembahan dalam kategori yang sama bergantung kepada fungsi dramatik muzik yang dipersembahkan. Menerusi persembahan revue seperti *Side by Side by Sondheim* atau *An Evening with Cole Porter*, lagu-lagu popular telah diangkat menerusi repertoire komposer tertentu dan dipersembahkan tanpa sebarang elemen dramatik². Berbeza dengan persembahan opera yang menuntut nyanyian karektor dalam gabungan lakonan dan muzik. Ia menunjukkan perbezaan bentuk persembahan dalam aliran yang sama. Bagaimanapun bentuk muzikal terbaik tidak hanya mempersembahkan lagu untuk tujuan hiburan semata tetapi dibentuk dengan adunan penceritaan, aksi dramatik, *mood*, tema dan mesej menerusi muzik (John Kenrick, 2010).

Penerapan aspek penyampaian dalam nyanyian karektor memberi kesedaran terhadap kepentingan proses mengenal medium yang akan berperanan dalam memberi tindak balas antara satu sama lain (Alan E. Hicks., 2011). Proses ini turut menyumbang kepada gaya penyampaian serta penghayatan lagu dan lirik dengan tepat. Pada tahun 1943, Rodgers & Hammerstein II telah membina kejayaan dalam pementasan *Oklahoma!* dengan menerapkan elemen dramatik dan mewujudkan integrasi muzik dan lirik. Persembahan tersebut telah menjadi satu contoh dalam definisi persembahan teater muzikal dan ikutan penggiat teater muzikal Broadway pada ketika itu. Komposer dan penulis lirik tidak lagi berdiri di atas landasan muzik semata-mata tetapi lebih berperanan sebagai dramatis yang menekankan elemen perkembangan plot dan nyanyian berkarektor. Bentuk yang dibawa oleh Rodgers & Hammerstein II telah menghasilkan naskah yang dipanggil '*the book*' yang merujuk

² Revue merupakan gabungan persembahan pendek yang mengandungi nyanyian, tarian dan komedi yang terkenal sekitar tahun 1910 dan 1920. Florenz Ziegfeld telah dikenali sebagai *The King of Revue*.

kepada skrip yang mengandungi komposisi lengkap lagu-lagu yang membentuk sebuah cerita (Larry A. Brown, 2007).

Aliran muzikal dalam perkembangan teater di Malaysia khususnya teater muzikal Melayu telah bertapak sejak kemasukan persembahan teater tradisional seperti Mak Yong, Wayang Kulit, Jikey, Mek Mulung, dan sebagainya sehinggalah berlakunya transisi aliran kepada moden dalam bentuk bangsawan (Mohamad Ghouse Nasuruddin, 2000). Peranan lagu dalam persembahan teater bukan lagi sesuatu yang baru dalam persembahan tempatan tetapi bentuk persembahan telah membezakan konsep teater muzikal Melayu dengan Barat. Walau bagaimanapun, peredaran masa dan faktor sekeliling telah mempengaruhi persembahan teater muzikal Melayu sehingga membentuk pengaruh barat terutamanya dalam aspek lakonan, nyanyian dan muzik.

Teater muzikal di Malaysia adalah satu aliran yang tidak asing lagi semenjak beberapa produksi telah mengangkatnya di pentas-pentas sekitar ibu kota. Tidak dinafikan pentas berprestij seperti Istana Budaya dan Kuala Lumpur Performing Arts Center (KL PAC) menjadi platform aliran sebegini dipertontonkan. Setiap kali pementasan teater muzikal dipentaskan oleh beberapa produksi tempatan, ia turut menampilkan sambutan hebat penonton yang hadir untuk memberi sokongan. Sambutan hebat juga turut diberi kepada beberapa produksi luar negara yang membawa naskhah muzikal. Ini bermakna aliran muzikal telah mula diterima masyarakat tempatan dan sering dahagakan bakat serta produk yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Bentuk penyampaian teater muzikal Melayu yang semakin berkembang telah menampakkan pengaruh Barat dari sudut penyampaian, muzik, nyanyian, lakonan, dan pergerakan. Dalam konteks persembahan muzikal Melayu ia tetap berdiri di atas landasan budaya masyarakat Melayu dan membentuk struktur penyampaian yang berbeza berbanding Barat. *Puteri Gunung Ledang the Musical* (2009) masih menekankan elemen tradisional dan etnik Melayu Jawa dalam bentuk persembahan moden. Begitu juga dengan *Sirah Junjungan: Tahajjud Cinta* (2008) yang menerapkan ciri-ciri Islamik menerusi genre muzik dan lagu seperti nasyid, zikir, selawat dan munajat dalam kisah riwayat Nabi Muhammad S.A.W. Fungsi muzik telah mempengaruhi faktor nyanyian karektor dalam membina ekspresi dan emosi sehingga mewujudkan elemen dramatik dalam struktur persembahan teater muzikal Melayu. Walaupun persembahan dipentaskan dalam gaya moden tetapi intipati kandungan masih mengekalkan identiti ciri-ciri tempatan.

1.2 Persoalan Kajian

Kajian ini telah membangkitkan beberapa persoalan bagi menjawab matlamat objektif yang telah disenaraikan. Antara persoalan kajian yang ditimbulkan adalah:

- 1.2.1 Adakah elemen muzikal Barat mempengaruhi pembentukan teater muzikal Melayu?
- 1.2.2 Sejauhmanakah lagu dramatik berfungsi untuk membentuk perkembangan plot teater muzikal?
- 1.2.3 Bagaimanakah pembentukan lagu dramatik berperanan dalam membentuk struktur teater muzikal Melayu?
- 1.2.4 Apakah proses penyediaan buku muzikal dapat diterapkan dalam sesebuah teater muzikal Melayu?

1.3 Objektif Kajian

Penumpuan kajian akan memperlihatkan proses pembentukan nyanyian karektor dan muzik dalam struktur teater muzikal Melayu. Hasil kajian akan menjurus kepada beberapa pencapaian objektif seperti berikut:

1.3.1 Menerangkan pengaruh Broadway dan West End dalam pembentukan struktur teater muzikal Melayu menerusi pembentukan lagu dramatik

Pengaruh Broadway dan West End dijadikan sebagai penanda aras berdasarkan kepada sejarah dan perkembangan teater muzikal moden yang bertapak di Amerika Syarikat. Pembentukan lagu dramatik adalah jenis-jenis lagu berkarektor dalam konteks persembahan teater muzikal yang melihat kepada fungsi lagu tersebut terhadap watak dan situasi.

1.3.2 Mengenalpasti peranan dan fungsi lagu dramatik dalam membentuk perkembangan plot teater muzikal Melayu.

Peranan dan fungsi lagu dramatik meliputi kepentingan dan tujuan lagu bagi membentuk setiap plot dramatik dalam struktur persembahan teater muzikal.

1.3.3 Menganalisis struktur persembahan teater muzikal Melayu berdasarkan lagu dramatik.

Lagu dramatik yang mengisi setiap peringkat struktur persembahan mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri dalam membentuk gaya persembahan teater muzikal Melayu. Gambaran bentuk struktur persembahan yang jelas dapat dilihat berdasarkan kepada peranan setiap lagu dramatik di sepanjang struktur tersebut.

1.3.4 Membentuk panduan penyediaan buku muzikal untuk teater muzikal Melayu.

Panduan penyediaan buku muzikal berpandukan kepada proses penghasilan buku muzikal Barat yang disesuaikan dengan situasi perkembangan dan aktiviti teater muzikal Melayu melalui pemeringkatan proses dan peranan.

1.4 Permasalahan Kajian

Cabaran industri teater di Malaysia sering menghadapi arus pasang surut mengikut musim yang tertentu. Aktiviti berteatr masih berada di tahap yang belum cukup untuk diagungkan meski pun terdapat beberapa produksi yang berjaya memecahkan tembok antarabangsa dengan pencapaian yang membanggakan³. Menurut Raja Syahriar (2012) menerusi artikelnya mengatakan bahawa sehingga tahun 2012 telah menyaksikan kehadiran teater Melayu yang masih bergelut untuk mendapatkan khalayak. Masalah utama yang dilihat adalah berpunca daripada kekurangan skrip yang berkualiti seperti karya Noordin Hassan, Khalid Salleh, Syed Alwi, dan Dinsman serta hilangnya semangat kerja berpasukan sebagai sebuah produksi. Beliau menegaskan kelahiran aktivis dan penggiat generasi baharu seharusnya mampu untuk mengangkat teater tempatan sebagai satu industri yang dapat menjana pendapatan negara.

Raja Syahriar turut menyatakan bahawa faktor lain yang menyumbang kepada dilema teater Melayu adalah melalui tuntutan komersial yang mengutamakan bintang-bintang terkenal berbanding nilai sebuah karya yang hebat. Berikutan kenyataan ini

³ Raja Syahriar. 2012. *Teater Melayu Di Persimpangan*. Petikan 'Majalah Pentas' Jil. 7. Kuala Lumpur: Istana Budaya.

maka aliran teater muzikal dilihat sebagai medium terbaik untuk mengangkat nama-nama penyanyi dan pelakon filem terkenal sebagai taruhan. Keinginan khalayak menyaksikan artis pujaan di pentas teater muzikal telah menyumbang kepada keutamaan komersial berbanding kualiti. Oleh yang demikian aliran muzikal itu sendiri turut menerima tempias sebagai faktor penyebab hilangnya identiti teater Melayu kerana dianggap sebagai pengaruh aliran Barat yang mengangkat nama-nama besar sebagai daya penarik walaupun tidak dapat menguasai kemahiran muzikal secara total. Walhal aliran muzikal hanyalah berdiri di atas bentuk yang berbeza tetapi masih memperjuangkan seni teater Melayu dengan karya-karya yang memberi cerminan budaya, bangsa dan negara.

Percambahan pemikiran dan ideologi yang berbeza merupakan satu bentuk perdebatan yang sihat bagi melahirkan idea-idea serta ilmu yang memangkin kualiti teater tanah air. Namun terdapat juga dalam kalangan penggiat dan ilmuan yang berpegang teguh terhadap sesuatu pendirian sehingga melibatkan emosi sehingga menyebabkan industri yang sekecil ini tidak dapat berdiri teguh bagi memartabatkan seni teater tanah air. Pelbagai bentuk perbincangan dan perdebatan berkaitan seni persembahan telah diusahakan oleh pelbagai organisasi termasuk forum, bual bicara, seminar, persidangan dan pembentangan kertas kerja namun belum ada program khusus yang membincangkan tentang situasi teater muzikal di Malaysia.

Kebanyakan program yang menyentuh isu teater muzikal hanya sekadar isu sampingan yang kurang diperdebatkan secara mendalam. Hal ini demikian kerana program-program berbentuk ilmiah telah menumpukan skop yang lebih luas dan dihadiri oleh tenaga pakar daripada pelbagai bidang. Penglibatan para peserta juga

turut terdiri daripada pelbagai cabang bidang berbeza yang kurang memberi maklum balas atau tindakan yang sewajarnya terhadap topik berkaitan teater muzikal. Oleh itu sebuah program khusus harus diwujudkan bagi membincangkan isu teater muzikal secara lebih serius dan mendalam beserta perhatian dan tindakan susulan pihak yang sepatutnya.

Perkembangan teater muzikal di Malaysia boleh dianggap sebagai satu lonjakan yang baik memandangkan ia semakin mendapat perhatian penggiat dan penerbit untuk dipentaskan dengan sokongan tajaan yang sangat menggalakkan daripada pelbagai pihak termasuk media. Peranan media tempatan dilihat lebih memberi tumpuan terhadap ulasan jalan cerita, kritikan lakonan dan penglibatan artis-artis yang sedang menjadi perhatian masyarakat. Selain itu liputan media turut berfungsi sebagai langkah promosi dan publisiti. Namun perbincangan yang lebih mendalam tidak diberi penekanan khusus seperti takrifan istilah ‘muzikal’ itu sendiri.

Definisi ‘teater muzikal’ telah digambarkan dengan pelbagai pemahaman mengikut perspektif pengkaryanya. Adakah dengan menyelitkan elemen muzik telah melayakkan persembahan itu dikategorikan sebagai teater muzikal? Adakah dengan menyanyikan sebuah lagu oleh watak utama boleh diangkat sebagai teater muzikal atau adakah terdapat struktur tertentu bagi meletakkan sesebuah karya sebagai teater muzikal atau sebaliknya? Persoalan-persoalan ini tidak pernah diambil serius oleh mana-mana pihak sehingga menyebabkan aliran muzikal ditafsir sewenang-wenangnya tanpa sebarang fakta pengukuhan yang sah.

Terma ‘teater muzikal’ di Malaysia kurang diperbincangkan kerana ianya hanya dipandang sebagai satu aliran muzikal yang menggabungkan nyanyian, lakonan dan tarian. Setiap kali produksi teater muzikal dipersembahkan di mana-mana maka pelbagai persepsi dan pendapat mula diperdebatkan bagi melabelkan tahap sesebuah pementasan itu sama ada mencapai aliran muzikal atau tidak. Kajian tentang ciri-ciri dan kepelbagaian bentuk teater muzikal serta perkembangannya tidak pernah dilakukan di Malaysia dan kajian ini bakal merungkai kecelaruan yang dihadapi oleh penonton, penggiat seni teater dan ahli akademik tentang perletakkan terma yang dapat mendefinisikan teater muzikal.

Intipati kandungan dan penggunaan lagu dramatik dalam sesebuah teater muzikal Melayu tidak pernah diberi penekanan menerusi kepentingan, peranan dan fungsinya. Lagu dramatik sebagai pembawa cerita dan mesej adalah tunjang utama dalam sesebuah persembahan. Elemen lagu dalam cerita lebih dilihat sebagai syarat untuk melabelkan sesebuah persembahan itu berbentuk muzikal. Pemahaman fungsi dan peranan lagu dramatik dapat memperlihatkan bahawa sesebuah karya itu dapat mendalami aliran muzikal dengan baik atau sebaliknya.

Teater muzikal secara amnya sangat sinonim dengan produksi yang berkembang di Broadway dan West End. Tidak dinafikan bahawa sememangnya kelahiran dan perkembangan muzikal Broadway dan West End memberi sumbangan besar dalam industri teater muzikal dunia. Karya-karya agung seperti *Showboat* (1927), *Oklahoma!* (1943), *West Side Story* (1957), *Cats* (1981), *Les Miserables* (1985), *The Lion King* (1997) sehinggalah kepada *Hamilton: An American Musical* (2015) telah menggambarkan perkembangan teater muzikal yang membangkitkan

industri muzikal Broadway dan West End sebagai satu penanda aras terhadap bentuk teater muzikal. Gaya persembahan yang melalui evolusi yang tersendiri telah membentuk struktur dan bentuk yang meletakkan teater muzikal sebagai perlambangan identiti Broadway dan West End.

Keghairahan meniru gaya persembahan muzikal Barat dalam aspek yang positif dalam memberi lonjakan dalam industri teater muzikal tempatan namun permasalahan yang timbul adalah menerusi pembentukan struktur teater muzikal Melayu yang masih dibentuk sebagai sebuah naskhah aliran realisme. Ini terbukti apabila enam daripada sepuluh pementasan yang dikaji memperlihatkan sebuah cerita yang memegang teguh kepada dialog berbanding lirik dan lagu. Lagu-lagu yang terkandung lebih berunsur pengulangan terhadap dialog yang dilafazkan sama ada sebelum dan selepas lagu dinyanyikan. Kelemahan ini dapat menyumbang kepada kualiti persembahan yang seharusnya lebih berkembang ke satu standard antarabangsa. Namun aspek penontonan khalayak tempatan bukanlah menjadi satu masalah kerana ianya masih diterima dan baik. Tetapi sajian persembahan ini adalah satu medium yang seharusnya mendidik khalayak penonton dan pelajar terhadap perbezaan aliran teater muzikal dengan yang lain menerusi intipati fungsi dan peranan yang sebenar.

Sokongan penonton tempatan dapat dirasai dengan melihat keterujaan mereka yang hadir bagi menyaksikan naskhah-naskhah yang dipentaskan di negara ini. Namun, kemeriahan teater muzikal di Malaysia seolah bermusim kerana hanya segelintir produksi tempatan sahaja yang konsisten membawa aliran sebegini. Nama-nama besar seperti Enfiniti Network Sdn. Bhd., Rumah Karya Citra, Tall Order

Production dan Kuala Lumpur Performing Arts Center (KL PAC) adalah antara produksi yang berusaha mengangkat aliran muzikal ke tahap tertinggi. Namun, setiap produksi sering mengketengahkan wajah-wajah yang sama dan mereka terdiri dalam kalangan pelakon terlatih, berpengalaman dan professional.

Bagi penerbit atau pengarah yang telah berkecimpung dalam industri teater secara komersial berkemungkinan tidak mempunyai masalah dalam mengangkat persembahan mengikut citarasa masing-masing, namun tanpa disedari setiap produk yang dipentaskan akan dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penggiat dan aktivis yang ingin memberi sentuhan muzikal dalam karya masing-masing. Tidak kurang juga kepada mereka yang mengangkat karya-karya tersebut sebagai bahan kajian dan penulisan ilmiah. Justeru, kebebasan intipati gaya dan bentuk dalam usaha membina sebuah produksi teater muzikal juga akan mewujudkan pelbagai tafsiran terhadap struktur dan gaya persembahan muzikal sebenar. Oleh yang demikian dalam membina produk tempatan maka perlu ada satu garis panduan yang dapat dijadikan sebagai rujukan sebelum sesebuah sentuhan muzikal itu dipersembahkan.

Kemunculan bakat-bakat baru bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti pementasan teater muzikal tempatan merupakan permasalahan yang turut menyumbang kepada kajian ini. Walaupun Malaysia kaya dengan bakat-bakat yang muncul bak cendawan tetapi kurang dari sudut bakat pelbagai kemahiran yang mampu berlakon, menyanyi dan menari selain mempunyai ilmu dalam bidang teater muzikal. Ianya terbukti apabila terdapat pelbagai produksi yang mengangkat nama-nama besar industri tetapi hanya mampu melakukan gerak bibir ketika adegan nyanyian dan lebih mengecewakan apabila nyanyian yang dirakam itu turut menggunakan suara penyanyi

profesional. Tidak kurang juga produksi yang cuba mengangkat penyanyi terkenal sebagai pendukung watak utama tetapi tidak mampu untuk mengangkat karektor yang dibawa dengan baik. Ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran dan penguasaan pelakon tempatan dalam bidang teater muzikal masih perlu diperbaiki.

Institusi pengajian tinggi seperti Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah antara platform yang telah menawarkan kursus diploma dan sarjana muda dalam bidang drama dan teater tetapi kursus yang ditawarkan tidak menjurus kepada aliran teater muzikal dalam bentuk program pengajian (Hatta Azad Khan, 2014). Beberapa institusi yang dikenalpasti menawarkan kursus teater muzikal hanya menjadikan kursus tersebut sebagai salah satu kursus yang melengkap struktur pengajian sahaja dan bukan dipelajari secara mendalam.

Kekangan mula timbul untuk mendapatkan ahli akademik yang berkemahiran dalam ketiga-tiga bidang sekali gus iaitu muzik, lakonan dan tarian. Berikutan permasalahan kekurangan kemahiran dan ilmuan dalam bidang teater muzikal maka ia turut memberi kekangan bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian di tahap tertinggi bagi mendapatkan kepakaran tempatan yang boleh bertindak sebagai pakar rujuk atau berperanan dalam komuniti penyeliaan.

Tidak dinafikan bahawa memang ada dalam kalangan pelakon professional tempatan yang mampu menyanyi dan menari dengan baik tetapi fokus permasalahan kajian ini lebih tertumpu kepada bakat-bakat baru seperti pelajar dan pelakon amatur


yang memerlukan pendekatan dan kaedah terbaik bagi melatih kemahiran di samping mempunyai ilmu dalam lakonan teater muzikal. Kemahiran dan pengetahuan dalam nyanyian karektor merupakan aset penting bagi melahirkan seorang pelakon yang berkualiti. Bagi menyampaikan pendekatan tersebut maka industri tempatan masih dahagakan tenaga pakar dan jurulatih yang benar-benar mendalami bidang teater muzikal serta kepelbagaian skop kajian yang boleh membantu meningkatkan kualiti dan kuantiti produk tempatan.

Masalah sumber rujukan dan bahan penerbitan tempatan merupakan satu kekangan yang turut dianggap serius memandangkan tidak ada sebarang bahan cetakan dan penulisan yang berkaitan dengan pembentukan teater muzikal. Prof Dr Hatta Azad Khan (2017) menerusi temu bual telah menyatakan bahawa, *“Penerbitan kajian mengenai teater muzikal Melayu sangat terhad dan lebih tertumpu kepada pendokumentasi skrip muzikal. Saya sendiri hanya menulis tentang sejarah muzikal Barat secara ringkas menerusi buku koleksi skrip Four Musicals”*.

Selain itu Mazlan Tahir (2018) yang juga merupakan seorang pengarah teater muzikal turut mengatakan bahawa, *“Muzikal Melayu dibina berlandaskan kepada peniruan gaya Barat tanpa melihat kepada proses dan struktur muzikal tersebut kerana tiada sumber rujukan tempatan yang boleh digunakan apatah lagi dalam pengajaran dan pembelajaran di IPT yang menawarkan kursus teater muzikal”*. Secara dasarnya bidang teater muzikal sememangnya memerlukan lebih banyak bahan rujukan yang dapat membantu meningkatkan kualiti persembahan menerusi pelbagai aspek muzikal terutamanya bahan penulisan yang memberi tumpuan kepada teori dan praktikal bagi membantu pemahaman serta panduan pengaplikasian yang jelas.

Perkembangan teater muzikal Barat telah memperkenalkan *musical book* atau buku muzikal yang dijadikan sebagai medium gabungan setiap elemen sesebuah muzikal dalam satu naskhah. Peranan Penulis Buku Muzikal turut diperkenalkan untuk menyusun dan menstrukturkan persembahan muzikal supaya dialog dan lagu dapat dijalinan dengan lebih berkesan. Tetapi, situasi tersebut tidak berlaku di Malaysia memandangkan pengkarya tempatan lebih gemar menghasilkan skrip yang berbentuk realisme dan mengangkat komposer sebagai individu yang menghasilkan lagu-lagu mengikut kehendak skrip.

Situasi ini berlaku adalah disebabkan oleh peranan penulis skrip yang sering disandang oleh pengarah persembahan atau penulis skrip yang tidak mempunyai kemahiran dalam mencipta lagu. Situasi ini berbeza di Barat kerana muzikal-muzikal Broadway dan West End adalah dihasilkan sendiri oleh individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang muzik. Oleh itu fungsi buku muzikal adalah satu kepentingan bagi menghasilkan sebuah muzikal yang berkualiti. Peranan penulis buku muzikal, komposer, penulis lirik dan pengarah merupakan gabungan yang sangat penting bagi menyeimbangkan dialog, lagu dan lirik. Kualiti teater muzikal Melayu dapat dipertingkatkan sekiranya ada panduan penyediaan buku muzikal ini supaya peranan dan struktur teater muzikal Melayu dapat dipertingkatkan setanding dengan produksi antarabangsa.



Rajah 1.1 Persoalan Kajian, Objektif Kajian dan Permasalahan Kajian

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memperlihatkan kepentingan teater muzikal dalam menyumbang kepada industri seni persembahan di Malaysia. Pengenalan terhadap teater muzikal Melayu merupakan satu titik tolak yang dapat membuka ruang buat mereka yang ingin mengangkat bidang teater muzikal sebagai wadah perjuangan seni tanah air. Pelbagai bentuk persembahan telah dipertontonkan sama ada berskala kecil mahu pun besar yang menunjukkan pemahaman sebenar terhadap istilah teater muzikal itu sendiri. Keghairahan mementaskan teater muzikal gaya Broadway dan West End merupakan satu usaha yang boleh dibanggakan tetapi adakah ianya sekadar memadai dengan proses peniruan dan pementasan semula naskhah-naskhah Broadway tersebut tanpa memahami bentuk sebenar sesebuah pementasan muzikal? Maka kajian ini berfungsi untuk memperjelaskan bentuk tersebut menerusi struktur dan lagu supaya dapat dijadikan sebagai panduan untuk mengangkat naskhah-naskhah tempatan agar bergerak seiring dengan kualiti persembahan antarabangsa.

Kemahiran pembinaan nyanyian berkarektor menerusi teater muzikal dapat memberi ruang kepada penggiat seni teater untuk mendalami pelbagai kaedah dalam membina sesuatu watak berdasarkan lagu. Ia turut memberi pendedahan kepada semua pengkaji dan pelajar yang ingin mendalami ilmu teater muzikal khususnya bagi mendapatkan pendekatan terbaik dalam mendukung watak yang memerlukan kemahiran lakonan, nyanyian dan tarian. Pendekatan yang dihasilkan menerusi gabungan teknik vokal, teknik lakonan dan asas muzik untuk teater dapat digunapakai oleh para pelajar di institusi pengajian tinggi yang mendalami ilmu seni persembahan teater sebagai panduan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, hasil penyelidikan ini bukan sahaja boleh digunapakai oleh pelajar bidang lakonan

malah turut boleh diaplikasikan kepada semua bidang yang berkaitan dengan persembahan seperti tarian, nyanyian, dan muzik menerusi pemahaman konsep persembahan dan peranan lagu bagi membentuk elemen dramatik dalam persembahan. Di samping itu ia juga boleh membantu dalam meningkatkan tahap mutu persembahan secara total.

Kemeriahan pelbagai produksi tempatan dalam mementaskan teater muzikal telah memberi impak yang positif dalam kalangan penggemar aliran sedemikian. Penerimaan penonton yang semakin menggalakkan tidak dapat dinafikan kerana saban masa aliran muzikal telah berjaya memenangi hati penonton di Malaysia berpandukan kepada hasil ulasan, kritikan serta permintaan tiket yang semakin meningkat bagi sesetengah produksi. Tidak kurang juga bagi produksi yang terpaksa melanjutkan tempoh pementasan gara-gara permintaan penonton yang sangat memberangsangkan seperti *Puteri Gunung Ledang the Musical* (2009), *Teater Muzikal Mok Cun* (2015), dan *Dia Semanis Honey Muzikal* (2017)⁴. Malah turut dibanggakan apabila terdapat beberapa pementasan yang telah mementaskan semula produksi yang pernah dipentaskan pada musim sebelumnya seperti *P. Ramlee the Musical* (2007/2008/2014), *Cuci the Musical* (2009/2010/2012), *Puteri Gunung Ledang the Musicals* (Februari 2006/Ogos 2006/2009).

Sentuhan aneka gaya dalam pengarah teater muzikal dapat menggambarkan tentang pemahaman pengarah dan penulis terhadap konsep muzikal itu sendiri. Namun tidak semua menepati bentuk sebuah teater muzikal sebagaimana di Broadway atau West End kerana terma muzikal itu sendiri telah digunakan sewenang-wenangnya

⁴ Kemalia Othman. 5 Januari 2017. *Tiket Habis, Pementasan 'Dia Semanis Honey Muzikal' Ditambah*. Laman web www.mstar.com.my.

walaupun dalam persembahan yang hanya menyelitkan elemen muzik pada babak tertentu sahaja. Semestinya terdapat panduan yang betul bagi menggabungkan elemen muzikal dalam sesebuah pementasan teater muzikal sehingga berjaya mengangkat beberapa produksi tempatan kepada satu tahap permintaan yang agak tinggi. Struktur asas sesebuah teater muzikal perlu difahami dan ditafsirkan dengan betul sebelum ia dipentaskan. Menurut John Kenrick (2010), struktur sebuah teater muzikal tidak semestinya mengikut struktur naratif realisme kerana ia berdiri di atas medium yang tersendiri berlandaskan kepada lirik dan karektor yang dikembangkan menerusi setiap lagu yang disampaikan.

Kenrick turut berpendapat bahawa perubahan struktur teater muzikal bersifat fleksibel kerana ia boleh berubah mengikut kesesuaian perletakkan lagu di dalam segmen tertentu. Lagu bertindak sebagai naratif yang membawa penceritaan dalam setiap babak yang dipersembahkan. Secara tidak langsung kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman konsep dan struktur teater muzikal dengan lebih jelas. Peniruan persembahan gaya Broadway tanpa struktur yang betul akan mencacatkan genre muzikal itu sendiri malah dikhuatiri akan menyalurkan pemahaman yang tidak tepat terhadap pelajar, penggiat dan aktivitis.

Naskhah teater muzikal tempatan yang pernah dipentaskan telah membuktikan kualiti idea yang baik dan bersesuaian dengan kehendak penonton. Kebanyakan naskhah tidak ketinggalan untuk menyelitkan elemen budaya, adat dan cara hidup masyarakat setempat agar menampakkan ciri-ciri sebuah karya tempatan. Namun berdasarkan kepada penetapan struktur persembahan masih lagi berada dalam situasi yang agak longgar kerana terdapat lagu yang diselitkan telah dipersembahkan seperti

sebuah konsert. Ia dapat dilihat menerusi gaya persembahan dan nyanyian. Berikutan kebanyakan pendukung watak adalah berlatar belakangkan sebagai seorang penyanyi maka pembentukan karektor sebagai watak yang dibawa tidak jelas dalam menyampaikan sesuatu mesej. Pendekatan sebegini dapat menyumbang kepada kekeliruan penyampaian dan pengertian istilah muzikal sama ada ianya disengajakan untuk membentuk satu gaya yang berlainan atau pun memperlihatkan kesalahan tafsiran dalam penyampaian.

Pembinaan struktur sebuah teater muzikal sangat penting bagi memahami intipati dalam konteks sebuah persembahan muzikal yang dramatik. Lagu memainkan peranan yang sangat penting dalam membina konflik penceritaan sekali gus meletakkan emosi yang tertinggi dalam persembahan dan bukan hanya sebagai sokongan kepada situasi tertentu. Oleh itu kepentingan penetapan struktur sebuah teater muzikal perlu diterapkan dalam proses pembelajaran dan latihan tidak kira di institusi pengajian mahu pun dalam kalangan penggiat seni teater tanah air.

Beberapa institusi pengajian awam di Malaysia seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Akademi Seni Warisan Kebangsaan (ASWARA) telah berjaya mewujudkan program diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang seni persembahan teater. Penawaran kursus-kursus yang terkandung turut memenuhi keperluan pengetahuan asas dalam bidang seni teater dan dikendalikan oleh tenaga pensyarah yang berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti lakonan, teori, sejarah, asas vokal, pergerakan kreatif dan sebagainya. Tidak ketinggalan juga kursus yang menjurus kepada bidang teater muzikal moden.

Pemantauan yang dijalankan terhadap kursus teater muzikal di beberapa institusi yang dinyatakan telah menunjukkan kekurangan tenaga yang mahir dalam bidang teater muzikal. Proses pembelajaran lebih menekankan aspek nyanyian lagu-lagu petikan daripada muzikal Barat dan dipersembahkan semula dengan gaya tersendiri. Begitu juga dengan pengajaran yang hanya dipraktikkan menerusi sebuah skrip terpilih dan menjalani latihan seperti produksi teater reliasme yang menerapkan elemen muzikal untuk penilaian akhir.

Tinjauan yang dilakukan terhadap beberapa institusi telah menampakkan kelonggaran dari sudut pemahaman kandungan dan pembentukan muzikal itu sendiri. Pelajar kurang didedahkan dengan sejarah dan perkembangan serta pembentukan struktur sebuah muzikal moden. Permasalahan ini jelas menunjukkan bahawa bidang akademik masih dahagakan tenaga pakar yang mahir dalam bidang tersebut. Rata-rata tenaga pengajar yang mengajar kursus teater muzikal adalah terdiri daripada mereka yang lebih menguasai bidang tertentu sahaja seperti lakonan, pengarahan, sinografi, muzik atau pergerakan kreatif. Walau bagaimanapun bebanan tugas terpaksa dipikul memandangkan kursus tersebut merupakan syarat sah bergraduat bagi pelajar.

Sehingga ini masih belum ada tenaga pengajar akademik yang memiliki kemahiran dan kelayakan khusus dalam bidang teater muzikal. Kekangan proses penyaluran maklumat tidak hanya dituding hanya kepada tenaga pengajar semata-mata kerana kekangan dalam mendapatkan bahan rujukan juga merupakan satu masalah yang sering dihadapi oleh ahli akademik dan pelajar. Oleh yang demikian, hasil kajian ini dapat membantu tenaga akademik agar lebih mendalami ilmu teater

muzikal dan dapat disampaikan kepada para pelajar dengan intipati yang lebih berkesan.

Kekurangan kepakaran ahli akademik tempatan dalam bidang teater muzikal merupakan satu penyebab mengapa kajian ini harus diangkat bagi melahirkan lebih ramai ilmuan yang berminat untuk mendalami kemahiran lakonan dalam genre sebegini. Bersandarkan kepada saluran ilmu yang dikembangkan maka pelbagai bentuk kajian boleh dihasilkan demi mengangkat identiti aliran teater muzikal Malaysia. Kepelbagaian cabang yang masih belum diterokai perlu dijadikan sebagai matlamat dalam menghasilkan data dan maklumat menerusi kajian bertulis yang berkaitan. Generasi akan datang dapat menggunakan hasil kajian ini bagi menerokai dan memperkenalkan budaya tempatan menerusi aliran muzikal yang telah pun pesat berkembang di negara membangun seperti di New York, Amerika Syarikat dan West End, United Kingdom. Secara tidak langsung kajian ini bakal menyumbang kepada sumber rujukan dalam bidang teater muzikal untuk para penyelidik seluruh dunia.

Bahan rujukan dalam menjalankan kajian merupakan sumber yang sangat penting bagi memperoleh maklumat yang dikehendaki. Kajian ini turut menghadapi permasalahan bagi mendapatkan sumber rujukan bercetak yang menjurus kepada teater muzikal. Kebanyakan bahan bercetak seperti buku hanya boleh diperolehi menerusi pembelian atas talian dan menelan belanja yang agak tinggi kerana pembekal adalah dari luar negara. Sumber rujukan tempatan adalah sangat terhad memandangkan penerbitan buku-buku teater muzikal adalah berbentuk skrip. Oleh itu kepentingan kajian ini turut menyumbang kepada penerbitan yang khusus untuk teater muzikal.

Hasil kajian ini dapat membantu dalam memperluaskan kajian terhadap teater muzikal tempatan secara khusus. Penekanan terhadap struktur persembahan dan pembentukan karektor merupakan elemen asas dalam pengarah sesebuah teater muzikal. Peranan seorang pengarah bukan sahaja memahami aspek asas pementasan malah harus mempunyai pengetahuan dalam bidang muzik kerana medium muzik merupakan tunjang utama untuk teater muzikal khususnya bagi memahami peranan dan fungsi lagu dramatik.

Selain itu kajian ini turut menyumbang kepada satu lagi cabang lakonan iaitu pembentukan lakonan muzikal. Ia bukan sahaja diterapkan kepada pelakon teater muzikal sahaja malah boleh aplikasikan kepada penyanyi, penari dan pemuzik. Pemahaman terhadap bahasa muzik adalah elemen yang perlu ditekankan supaya membentuk ritma dalam setiap penghasilan emosi dan aksi yang ditonjolkan. Pemahaman terhadap pembentukan emosi dan penghayatan dapat dimanfaatkan dalam proses pembinaan karektor yang berlandaskan kepada kehendak situasi dan peristiwa.

Sumber rujukan yang sering menjadi tinjauan para pengkaji dan ahli akademik adalah secara atas talian. Perkembangan arus teknologi telah membawa maklumat di hujung jari sebagai medium utama untuk memperolehi informasi tentang sesuatu perkara. Intipati kajian berkaitan dengan teater muzikal Melayu tidak pernah dijadikan sebagai subjek yang menjurus kepada struktur persembahan dan pembentukan karektor dalam nyanyian. Oleh yang demikian, hasil kajian dapat diterbitkan menerusi atas talian dalam pelbagai bentuk seperti artikel, jurnal, prosiding dan sebagainya bagi memudahkan pencapaian maklumat kepada mereka yang mendalami bidang ini.

1.6 Hipotesis

Kajian ini bakal menemukan bentuk struktur persembahan teater muzikal Melayu yang dipengaruhi oleh perkembangan persembahan muzikal Barat khususnya Broadway dan West End. Pengaruh Barat dapat dilihat menerusi pembentukan lagu dramatik dan gaya persembahan. Perkembangan plot dalam teater muzikal Melayu lebih didominasi oleh dialog berbanding lagu kerana teater muzikal Melayu masih berpegang kepada kepentingan naratif yang diangkat melalui dialog. Struktur persembahan teater muzikal Melayu adalah kurang mengangkat lagu dramatik sebagai perkembangan plot berbanding struktur persembahan yang mengikut gaya Broadway dan West End. Fungsi dan peranan lagu dramatik dalam teater muzikal Melayu dapat memberi penekanan terhadap pembentukan unsur dramatik tetapi kebanyakannya masih berpaut pada sokongan dialog. Teater muzikal Melayu menampilkan beberapa bentuk dalam struktur persembahan melalui lagu dramatik berdasarkan kepada pendekatan dan tafsiran pengarah persembahan. Namun setiap struktur persembahan teater muzikal Melayu yang dihasilkan akan menunjukkan perbandingan fungsi dan peranan lagu dramatik dalam memberi perkembangan plot menerusi karektor, latar dan peristiwa.

1.7 Batasan Kajian

Teater muzikal Melayu merupakan subjek utama yang akan menggerakkan kajian ini melalui panduan yang dibentuk dalam struktur teater muzikal Broadway dan West End berdasarkan kepada sejarah dan perkembangannya bermula daripada *The Black Crook* (1866) kepada era moden seperti *Showboat* (1927), *Oklahoma!* (1943) sehinggalah kepada produksi masa kini. Perkembangan muzikal Barat akan dijadikan

sebagai landasan bagi memperlihatkan pengaruh struktur persembahan dan lagu dramatik sebagai pembentukan karektor dalam nyanyian.

1.7.1 Teater muzikal Melayu

Kajian ini akan berlandaskan secara khusus kepada teater muzikal Melayu sahaja. Teater muzikal Melayu dalam konteks kajian ini ditakrifkan mengikut Perlembagaan Malaysia Perkara 160 (2) yang memberi kriteria terhadap tafsiran Melayu antaranya ialah bertutur dalam Bahasa Melayu serta mengamalkan adat budaya Melayu. Oleh itu naskhah-naskhah yang dipilih adalah berlandaskan kepada naskhah berbahasa Melayu menerusi dialog dan lagu yang dipersembahkan.

Sebanyak sepuluh buah pementasan berskala besar akan dijadikan sebagai sampel kajian. Pemilihan sepuluh produksi tersebut kepelbagaian tema persembahan seperti sejarah, lagenda, biografi, komedi dan percintaan. Berikut adalah senarai 10 buah teater muzikal Melayu yang akan dikaji:

- i) *Bukit Kepong* (2000)
- ii) *Rubiah* (2005)
- iii) *Puteri Gunung Ledang the Musicals* (2006)
- iv) *Muzikal Cheng Lock* (2007)
- v) *P. Ramlee the Musical* (2008)
- vi) *Muzikal Ibu Zain* (2008)
- vii) *Sirah Junjungan: Tahajjud Cinta* (2009)
- viii) *Mahsuri* (2009)
- ix) *Cuci the Musicals* (2010)
- x) *Uda dan Dara* (2010)